



KENYATAAN MEDIA MAJLIS SEJARAWAN NEGARA

MEMPERKUKUH KEFAHAMAN SEJARAH BERTERASKAN ILMU

Majlis Sejarahwan Negara (MSjN) memandang serius penuliran pelbagai dakwaan, tafsiran dan pandangan berkaitan isu-isu sejarah di ruang awam, khususnya di media sosial. MSjN menegaskan bahawa sejarah bukan pandangan peribadi atau naratif bebas, sebaliknya merupakan **satu disiplin ilmu yang berasaskan metodologi penyelidikan yang khusus, penggunaan sumber berautoriti, fakta yang sahih serta penilaian kritikal yang berlandaskan kaedah ilmiah**. Oleh itu, sebarang kenyataan atau tafsiran berkaitan sejarah hendaklah dikemukakan secara berhemah, bertanggungjawab dan berpaksikan kerangka ilmiah yang sahih.

Sehubungan itu, MSjN menyeru masyarakat agar lebih peka, beretika dan tidak tergesa-gesa dalam mengeluarkan atau menyebarkan kenyataan berkaitan sejarah tanpa rujukan yang tepat, kerana penyebaran maklumat yang tidak berasas berpotensi mengelirukan masyarakat serta menjejaskan kefahaman awam terhadap sejarah negara.

Dalam usaha memperkukuh kefahaman sejarah dalam kalangan masyarakat, MSjN menerusi Kementerian Perpaduan Negara dan Arkib Negara Malaysia sedang merangka **inisiatif strategik dan pendekaan baharu bagi memperkasakan sejarah sebagai disiplin ilmu yang berteraskan fakta, pemikiran kritis dan wacana ilmiah**.

MSjN kekal komited untuk memelihara integriti sejarah sebagai teras pembinaan jati diri dan negara bangsa, di samping memperkukuh budaya ilmu, pemikiran kritis serta penghormatan terhadap fakta sejarah demi kepentingan pendidikan, keharmonian sosial, perpaduan nasional dan kelangsungan negara.

-TAMAT-

15 DISEMBER 2025